



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	2/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kamera kesan kelibat lima ekor pak belang

# Harimau mengganas lagi di Felda Kerteh

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

**DUNGUN** – Penangkapan seekor harimau belang digelar 'Awang Rasau' pada 23 Februari lalu rupa-rupanya tidak menyelesaikan masalah serangan terhadap lembu ternakan di Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya, dekat sini.

Lembu peliharaan lebih 60 penternak yang merupakan peneroka tanah rancangan berkenaan terus menjadi mangsa dibaham harimau dan kejadian terbaharu pada dua minggu lalu.

Seekor lembu ternakan tersebut ditemui bergelimpangan di kawasan ladang kelapa sawit berkenaan dengan kesan gigitan dan cakaran haiwan buas dipercayai harimau belang.

Timbalan Ketua Pengarah Perhilitan (Konservasi) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Fakhru Hata Musa berkata, ber-



KERATAN Kosmo/ 23 Februari 2021.

dasarkan pengesanan menerusi kamera yang dipasang di sekitar ladang kelapa sawit tersebut rupa-rupanya serangan terhadap lembu penternak didalangi oleh empat ekor harimau lain.

Beliau berkata, imej kamera tersebut mendedahkan sekurang-kurangnya lima ekor harimau lain turut berkeliaran di kawasan ladang kelapa sawit yang seluas 1,284 hektar berkenaan untuk memburu mangsa.

"Kita dapat bukti bergambar terdapat seekor (harimau) induk dan empat anaknya menerusi kamera yang dipasang. Berdasarkan keadaan fizikal mereka, kita

percaya 'anak beranak' ini berada dalam keadaan sihat.

"Imej lima beranak (harimau belang) ini bukan hanya sekali berjaya dirakam tetapi berkali-kali. Oleh itu kita dapat kenal pasti kawasan aktif haiwan liar tersebut," katanya selepas melakukan tinjauan di lokasi serangan di Ladang Kelapa Sawit Felda Kerteh 4 dekat sini semalam.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, lembu-lembu yang berkeliaran di dalam ladang kelapa sawit itu merupakan sumber makanan mudah bagi harimau berkenaan.

Azman turut memohon penternak terlibat agar memberi kerjasama dengan mengurung haiwan peliharaan mereka buat sementara waktu bagi memudahkan Perhilitan memasang perangkap.



IMEJ lima ekor harimau yang dirakam kamera di ladang kelapa sawit Felda Kerteh 4, Dungun baru-baru ini.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

